

**SIARAN MEDIA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PROJEK CENDANA SENI “STAR/ KL” MEMANCARKAN SINARAN BUDAYA SERATA MALAYSIA**

**Diserikan Bersama “Bamboo House” Tatkala Acara KLWKND**

KUALA LUMPUR, 26hb November 2021 – Program Projek Seni “Star/ KL” dan “Bamboo House” KLWKND hari ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Yang Berhormat Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin di The Godown, Lorong Ampang, Kuala Lumpur sempena *Art In The City* (AITC) 2021.

‘Star/ KL’ merupakan karya Jun Ong, artis instalasi KL yang juga aktif membuat pameran instalasi di peringkat antarabangsa termasuk di Amerika Syarikat, Hong Kong, Thailand, Cambodia, dan Singapura. Karya ini adalah antara rangkaian hasil seni dari projek yang berkonsepkan cahaya, iaitu merupakan sebahagian dari usaha “*The Light Project*” di mana CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya) bersama artis-artis yang terpilih, dengan sokongan majlis perbandaran tempatan, menghasilkan karya mereka di lima lokasi berbeza iaitu di Butterworth, Melaka, Batu Pahat, Ipoh, dan Kuching.

Jun Ong berkata, “‘Star/ KL’ adalah hasil karya terkini yang merupakan turutan kepada hasil karya awalnya sebelum ini yang diusahakan pada 2015 di Butterworth, Pulau Pinang. Ia merupakan “Bintang” pertama yang berbentuk seperti “*dodecahedron*,” dan telah menjadi ‘tuan rumah’ di sebuah bangunan terbiar di bekas bandar pelabuhan perindustrian tersebut yang terhasil dari inspirasi minda.”

Program AITC 2021 juga dimeriahkan lagi dengan kurasi khas seni dan persembahan awam di seluruh negara. Aktiviti koleksi instalasi awam seperti “Star/ KL” ini akan diiringi dengan persembahan yang diprogram khas untuk menyuntik inspirasi kepada sektor seni dan budaya untuk membawa sinar harapan agar kita semua dapat bangkit bersama daripada kesan pandemik COVID19. Lokasi yang terpilih bagi instalasi dan program-program ini diharap dapat menarik minat, perhatian, dan aktiviti ekonomi di sekitarnya.

Selain daripada “Star/ KL”, bersempena program KLWKND, lokasi The Godown, Kuala Lumpur akan berubah wajah menjadi sebuah karya yang berkonsepkan ‘rumah buluh’ atau “*Bamboo House*” yang merangkumi lekapan, pemasangan dan skulptur hasil kerjasama bersama studio senibina tempatan serta pertubuhan orang asal termasuk SEAD Build, Tenten Design, Japan Foundation, Studio Karya, The Asli Co. dan, Discover Native untuk meraikan penggunaan buluh dalam reka bentuk, binaan, dan bahan kesenian masa hadapan.

Pengarah Festival KLWKND, Joe Sidek berkata “KLWKND bertujuan untuk “merakyatkan seni” secara inklusif, justeru diharapkan kepelbagaian program yang berbeza akan memberikan sesuatu untuk

semua. Ini dimungkinkan oleh kepelbagaian rakan kerjasama yang tampil daripada pelbagai sektor untuk menyertai kami, dan saya bersyukur mendapat sokongan, nasihat, dan bantuan mereka dalam menyusun KLWKND.”

YB Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin berkata, “Tahniah diucapkan kepada CENDANA, pengarah festival KLWKND Joe Sidek, artis Star/KL Jun Ong dan penggiat-penggiat seni budaya yang terlibat. Keadaan ekonomi negara sedang pulih, dan diharapkan KLWKND dan “*The Light Project*” akan memberi nafas baru kepada para seniman dan karyawan. Dengan adanya acara sebegini sempena *Art In The City*, bukan saja di KL, tetapi juga di negeri-negeri lain, ianya dapat membantu penggiat seni budaya merencanakan kembali industri ini. Melalui pengumuman Belanjawan 2022 baru-baru ini, usaha sebegini akan diteruskan melalui RIUH-Keluarga Malaysia di serantau negara untuk memberi platform kepada usahawan belia kreatif dan penggiat seni budaya untuk terus berkarya dan mempromosi produk kreatif mereka. RM188juta juga telah diperuntukkan untuk pelbagai inisiatif yang akan mempercepatkan pemulihan sektor kreatif yang seterusnya akan membuka peluang pekerjaan baru dalam sektor ini di samping meperkukuhkan pekerjaan sedia ada”

Selain dari “*The Light Project*,” festival KLWKND juga menyajikan beberapa program menarik dan percuma bagi semua iaitu *Best of Malaysia Craft* dan persembahan awam wayang kulit dan persembahan dram oleh Kicau Bilau di Pasar Seni, *Art of Film* persembahan seni filem oleh Amir Muhammad mengisahkan cerita bandaraya Kuala Lumpur menggunakan rakaman lama dan melayarkan filem-filem yang telah memenangi anugerah, memperkenalkan Sasterawan Negara di Panggung Bandaraya dengan mempersembahkan bacaan oleh Sasterawan Negara iaitu Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh, Dato’ Dr. Mohd Anwar bin Rethwan, Datuk Dr. Zurinah binti Hassan, dan Datuk Dr. Siti Zainon binti Ismail. KLWKND ini juga menyajikan *LOVE MY (Malaysia) Batik* yang mempamerkan lukisan batik dari koleksi peribadi dan awam, di mana terdapat juga acara lukisan mural batik oleh empat artis visual di mana hasil kerja mereka akan disalurkan ke empat buah sekolah terpilih di Malaysia.

Pengerusi MyCreative Ventures, Ts. Noor Azmi Mat Said berkata, “CENDANA sentiasa mencari ruang dan berusaha menjayakan pelbagai program menarik untuk menyemarakkan pembangunan sektor seni budaya serta ekonomi jingga. Saya sangat berbangga kerana ramai artis, pereka seni, pengamal kraf, penggiat seni persembahan pentas dan pemuzik dapat memanfaatkan program sebegini dalam membangkit dan memberi inspirasi kepada Keluarga Malaysia. Saya pasti program seperti KLWKND dan “*The Light Project*” ini akan dapat dihayati oleh khalayak ramai. Di samping itu juga, program sebegini diharap akan dapat memberi peluang untuk kita menghidupkan kembali sektor seni dan budaya di setiap bandar yang terlibat.”

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif CENDANA, Izan Satrina Mohd Sallehuddin berkata “*Art In The City* adalah komitmen CENDANA kepada seni budaya, dengan lebih daripada 100 program dinamik, berwarna-warni dan optimis untuk dipersembahkan tahun ini. Ini

adalah antara usaha yang dijalankan untuk merancakkan semula sektor seni budaya setelah Kerajaan Malaysia melalui CENDANA meluluskan RM 22juta untuk memanfaatkan 8,000 warga seni budaya. *Art In The City* yang bermula pada tahun 2018 kini telah diperluaskan dan menyajikan pelbagai jenis muzik, tarian, kraf, teater, filem, makanan, warisan, sejarah dan banyak lagi yang berlangsung sehingga Disember 28, 2021.”

CENDANA juga akan menganjurkan acara Pameran Digital Media SENSORii di REXKL, Jalan Sultan dari 1-28 Disember 2021 di mana hasil karya kolektif gabungan artis-artis multimedia dan muzik independen tanahair akan dipamerkan. Pendaftaran percuma adalah melalui <https://baskl.com.my/aitc/sensorii/>. Selain itu, kolaborasi bersama PUSAKA dan Svara, CENDANA turut bekerjasama mengadakan *The Symposium of Reflection and Reimagining: National Cultural Congress 1971 - 50* tahun kemudian, yang akan mengumpulkan pengamal dan pakar dari pelbagai komuniti dalam bidang budaya pada 11 - 12 Disember 2021. Simposium ini adalah bertujuan untuk menilai perkembangan budaya di Malaysia dan penggubalan serta pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. CENDANA terus giat menyemarakkan serta merakytakan seni dan budaya dihati rakyat Malaysia.

-TAMAT-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi bzBee Consult Sdn Bhd:

Emmy Razali – +6012 342 2006; emmy@bzbee.com.my / Syima Zainal – +6016-4154989 ; syima@bzbee.com.my

### **Mengenai CENDANA**

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya) dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk seni budaya ekonomi yang rancak, mampan dan berwawasan untuk Malaysia, bagi terus memartabatkan profil seni budaya ke arah pembentukan identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan lokasi yang strategik di pentas global. Organisasi ini disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan berada di bawah pengendalian Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Sila layari [www.cendana.com.my](http://www.cendana.com.my) untuk maklumat lanjut.

### **Mengenai Art In The City**

Art In The City adalah salah satu usaha strategik CENDANA yang didedikasikan untuk seni dan persembahan, dengan lebih dari 100 program dinamis, berwarna-warni dan optimis yang dipersembahkan tahun ini termasuk pelbagai muzik, tarian, kraf, teater, tarian filem, makanan, warisan, sejarah, dan lebih banyak lagi dari 14 Oktober hingga 28 Disember 2021. Art In The City direka untuk meningkatkan kesedaran mengenai seni dan budaya tempatan dan untuk mendorong rakyat Malaysia mengunjungi tempat-tempat seni di sekitar Kuala Lumpur, AITC berusaha untuk terus mempromosikan Kuala Lumpur sebagai hab budaya dan kreatif. Sila layari masuk ke [www.baskl.com.my/aitc](http://www.baskl.com.my/aitc) untuk maklumat lanjut.

### **Mengenai MyCreative Ventures**

MyCreative Ventures adalah syarikat pelaburan Kerajaan yang dilancarkan pada bulan September 2012 untuk memacu industri kreatif Malaysia melalui pembiayaan yang strategik dan inovatif. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.mycreative.com.my](http://www.mycreative.com.my)